

21/09/2003

`Perkongsian kita ikhlas, bukan niat tipu kawan'

SEDUTAN ucapan Presiden Barisan Nasional, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perayaan Ulang Tahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka di Kuala Lumpur, semalam.

Tuan-tuan dan puan-puan

TIAP kali pilihan raya, kita tetap capai dua pertiga daripada kerusi di Dewan Rakyat. Walaupun pada satu tahun pilihan raya kita tidak mencapainya tetapi kerana kebijaksanaan pemimpin BN, masalah kaum pada 1999 dapat diselesaikan dan kita rapatkan semula barisan kita. Pada 1999, kononnya kita lemah dan tidak mungkin menang, ada yang beranggapan untuk menjadi kerajaan tetapi sebenarnya pada 1999, kita menang bukan dua pertiga tetapi tiga perempat.

Kita yakin rakyat akan terus beri kemenangan besar kepada BN dalam pilihan raya akan datang. Kita perlu kepada kerajaan yang kuat, supaya kita tidak diganggu. Kerana kita tidak diganggu, maka hari ini Malaysia menjadi negara membangun yang termaju di dunia.

Ramai yang menganggap Malaysia bukan lagi sebuah negara membangun. Sebenarnya Malaysia sudah jadi negara maju. Tetapi, kita tolak dakwaan ini, kita anggap negara kita masih membangun walaupun terdapat di kawasan-kawasan tertentu, pesat membangun setaraf negara maju seperti di Kuala Lumpur ini. Banyak sudah bandar-bandar di Malaysia yang bertaraf bandar negara maju tetapi kita masih tidak puas hati kerana ingin melihat seluruh Malaysia, setiap pelosok maju seperti di bandar-bandar ini, sama ada kampung terpencil di Kuala Nerang atau di Sarawak atau di Sabah. Kita akan bertindak untuk memajukan kawasan-kawasan ini supaya setaraf dengan negara maju. Kita boleh buat. Kita boleh jayakan usaha kita ini. Kenapa? Kerana rakyat memberi sokongan yang penuh kepada BN. Kerana kerajaan-kerajaan BN adalah kerajaan yang berwibawa yang apabila membuat janji, akan tunaikan janji. Kita tunaikan janji yang tuan-tuan tidak boleh pertikai boleh tunai atau tidak Kalau kita janji buat jalan, tuan-tuan boleh tengok jalan itu sudah dibina. Kalau kita janji buat jambatan tuan-tuan dan puan-puan boleh lihat jambatan itu sama ada kita tunai janji atau tidak.

Tetapi ada orang tertentu yang buat janji, yang tak boleh kita sah tertunai atau tidak. Mereka suka janji masuk syurga sesiapa yang undi mereka. Kalau benarkan pun janji mereka tercapai, kita tidak dapat sahkan janji itu tertunai atau tidak. Kita tidak boleh tahu sama ada pengundi parti yang menjanjikan syurga kepada pengundinya, sama ada benar-benar pengundi itu ada di syurga. Kita nak pergi, tak boleh. Kalau kita pergi, kita tak balik. Jadi jangan bohong. Buat janji yang kerajaan boleh lihat dengan kepala mereka sendiri. Jangan buat janji yang kita tidak boleh sahkan. BN tidak buat janji yang bohong, buat janji yang boleh rakyat lihat.

BN membuat janji yang nyata. Apabila kita janji dan tunaikan janji, maka rakyat dapat lihat janji itu ditunaikan atau tidak. Inilah BN, parti yang ikhlas, yang tidak mungkir janji dan yang membuat janji hanya apabila dapat menunaikan janji.

Tetapi parti lawan kita menjanjikan kalau mereka menang, maka mereka akan mendirikan negara Islam. Kita tanya kepada mereka. Tunjukkan bentuk negara Islam yang mereka nak adakan. Hari ini mereka kata, tak perlu memberitahu rakyat, pengundi bentuk negara Islam yang dijanjikan. Kenapa? Mereka takut memberitahu kepada kita bentuk negara Islam, sebab mereka ingin menipu. Mereka adalah golongan penipu. Sebab itu mereka tidak berani

berkata atau menjelaskan jenis negara Islam yang akan ditubuh oleh mereka. Jangan berjanji kerana ini ditegah oleh agama Islam. Agama Islam tidak membenarkan kita berjanji yang kita tahu tidak boleh tunaikan

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebab itu kita perlu tentukan BN kekal dengan kuasa BN kerana parti ini adalah parti yang ikhlas, yang membuat janji dan tunai janji. Kita tahu dalam BN bukan saja terdapat orang Islam tetapi juga orang bukan Islam. Tetapi apabila kita isytihar Malaysia negara Islam, mereka terus beri sokongan kepada kita kerana mereka tahu kita berpegang kepada ajaran Islam. Islam membenarkan orang yang bukan beragama Islam ada bersama dalam mana-mana masyarakat, tidak ada larang. Kita beri kebebasan kepada mereka untuk memilih pemimpin mereka, untuk menyertai politik negara kita ini tanpa sekatan.

Tetapi terdapat parti yang mencabar kita kononnya untuk mendirikan negara Islam, mereka mempunyai tafsiran negara Islam yang amat sempit, mereka tidak rela memberi kebebasan kepada kaum lain, melarang kebudayaan kaum lain kononnya ini dilarang oleh agama Islam, seperti tarian singa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Terdapat ramai orang Islam yang tinggal di negara yang diperintah oleh orang bukan Islam dan mereka tidak memaksa orang di negara bukan Islam ini mengikuti ajaran Islam atau melakukan sesuatu. Oleh kerana Islam tidak menentang dengan orang bukan Islam maka orang bukan Islam menghormati orang Islam yang tinggal di negara mereka. Sebagai negara yang diperintah oleh Islam kita menghormati agama orang yang tidak memusuhi agama Islam inilah cara Islam... agama lain menerima agama Islam.

Terdapat ramai orang Islam yang tinggal di negara yang diperintah oleh bukan Islam. Kita menghormati agama orang lain. Sebab itu orang lain menerima negara Islam yang diusahakan oleh BN yang dipengaruhi oleh orang Islam dalam BN. Sebaliknya, pihak parti lawan takut untuk menceritakan konsep sebenar negara Islam mereka kerana takut mereka tidak disokong oleh bukan Islam. Sebaliknya kalau cerita konsep itu, seperti BN maka pengikut Islam mereka pula tidak akan mengikuti mereka. Mereka tersepit dalam pembongkaran. Apabila bohong kepada pengikut mereka, mereka mendapati mereka tidak berupaya untuk perluas pandangan mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

BN bukan sebarang parti. Tidak ada dalam dunia ini sebuah parti seperti BN yang menggabungkan 14 parti. Ramai yang bertanya kepada saya macam mana kamu urus sebuah parti gabungan 14 parti. Saya jawab adalah lebih mudah daripada gabungan dua parti... jika satu parti tarik diri, maka jatuhlah kerajaan. Tetapi 14 parti tidak akan jatuh jika mana-mana parti tarik diri kita ada cukup kerusi untuk perintah. Dalam BN, jika ada parti tarik diri, kita masih mempunyai kerusi yang cukup untuk memerintah. Sebab itu, BN kerajaan stabil. Satu lagi kelainan BN, di negara lain gabungan parti yang terdapat di negara lain adalah kerana terdesak, bukan ada keikhlasan untuk bekerjasama. Selepas pilihan raya, gabung. Apabila tamat pilihan raya tidak ada parti yang cukup kerusi untuk bentuk kerajaan, tidak ada siapa yang cukup kerusi. Mereka mencari parti kecil jadi gabungan supaya gabungan ini akan mencapai majoriti. Ini satu gabungan yang tidak stabil, kerana parti kecil selalu mengugut parti yang besar untuk keluar kerajaan jika tidak diberi sesuatu, menuntut jawatan atau kementerian yang besar-besar untuk diri mereka walaupun mereka sebuah parti yang kecil.

Tetapi di Malaysia, kita bukan mengadakan marriage for convenience selepas pilihan raya. Gabungan dan kerjasama kita jauh lebih awal daripada pilihan raya. Sebenarnya sejak kita kerjasama antara parti 1952, kita telah teruskan kerjasama ini sepanjang masa sama ada menghadapi pilihan raya atau tidak.

Kita bekerjasama seolah-olah sebuah parti walaupun ada parti berlainan

dalam BN. Dalam pilihan raya kita tidak bertanding sesama BN, tetapi atas nama BN. Mereka tidak bertanding sebagai Umno, MCA, MIC PBS, mereka menggunakan hanya satu simbol - simbol dacing, lebih adil daripada mereka yang menamakan diri mereka Keadilan. Kita lebih adil daripada mereka.

Dacing mencerminkan menjadi simbol, pilihan kita secara yang adil. Dalam pilihan raya kita letak calon daripada komponen atas nama BN dan setiap satu parti akan beri sokongan kepada calon ini atas nama BN walaupun ia daripada Umno, MIC, PBS SUPP, Upko, MCA walaupun calon ini Melayu, Cina, India, Kadazan, Dusun, Bajau, Iban, Murut, Orang Ulu dan sebagainya. Semuanya adalah calon BN dan kita memberi sokongan kita atas nama BN. Dengan menggabungkan kuasa undi, semua parti-parti komponen ini, maka mudahlah kemenangan dicapai oleh BN. Sebab itu kita dapat kemenangan besar dalam setiap pilihan raya. Tetapi sekarang ada parti tiruan. Kita tahu barang tiruan ini tidak pernah lebih baik daripada barang asal... ini kononnya parti alternatif, tak ada parti alternatif... ini parti tiruan.

Kita lihat bagaimana mereka sedang berperang sesama mereka, tidak ada keikhlasan, masing-masing menyertai gabungan ini berniat menipu kawan. Pas berniat untuk tipu DAP, DAP nak tipu Keadilan. DAP berniat untuk tipu semua. Pas juga demikian. Ini parti penipuan, tiruan. Malang nasib rakyat yang tertipu yang beri sokongan kepada parti ini kerana mereka tidak akan bawa apa-apa kemajuan negara kita. Hanya BN dapat bawa kemajuan. Negara yang diperintah parti lawan berbanding yang diperintah BN, jauh ketinggalan, mundur berbanding yang dipimpin oleh BN. Yang diperintah parti lawan begitu mundur inilah kesilapan memilih orang yang tidak berkeupayaan. Kita tidak nafi pengetahuan agama mereka tetapi ini tidak bermakna mereka berkebolehan dalam memerintah sebuah negara moden. Mereka terhad kepada meminta daripada Allah, berdoa meminta negeri mereka berjaya tetapi Tuhan berfirman Tuhan tidak akan ubah nasib satu kaum melainkan mereka berusaha sendiri. Sebaliknya melempar fitnah, maki hamun, keluarkan kata kesat sebab itu mereka tidak boleh mentadbir. Anggap Tuhan mereka samseng... mereka juga sanggup berkata Tuhan juga mencarut. Inilah orang yang gila. Nik Aziz gila kuasa, merebut rakyat bukan untuk membangunkan negara tetapi rebut kuasa. Kita nak kuasa untuk rakyat, untuk membangunkan negara, menyelamatkan agama kita. Itu sebab kita berjuang untuk capai kejayaan dalam pilihan raya.

Saya yakin rakyat tahu perjuangan BN yang telah digaris oleh pemimpin dari awal lagi sejak Tunku, diteruskan oleh Tun Razak, Tun Hussein dan saya juga cuba meneruskan perjuangan mengikut garisan yang ditentukan Tunku.

Pada penghujung Oktober tahun ini, saya akan meletakkan jawatan saya dengan rasa senang hati kerana sudah ada pengganti saya. Tidak ada rebutan kuasa di kalangan kita. Kita adalah kumpulan kerajaan yang mempunyai tanggungjawab bersama dan kita percaya kepada dasar-dasar BN. Sebab itu, apabila pengganti saya Datuk Seri Abdullah jadi Perdana Menteri, dia telah berjanji secara terbuka untuk meneruskan perjuangan BN. Kita tidak perlu khuatir tentang komitmennya kepada perjuangan BN. Justeru itu saya minta supaya semua ahli-ahli BN, penyokong BN memberi sokongan yang penuh kepada Abdullah. Inilah pengganti, pemimpin bagi BN dan janji BN akan diteruskan oleh kepemimpinan yang baru ini. Tiada perubahan dasar, tidak ada perubahan polisi, mungkin stailnya saja berbeza tetapi dasarnya adalah sama. Insyallah dengan melaksanakan dasar yang sama ini, maka negara kita bersama ini akan terus maju dan menjadi contoh kepada dunia.

Malaysia adalah negara kita kerana kita adalah Malaysia boleh, kerana Malaysia kita boleh. Dengan berpegang kepada kepercayaan kepada diri sendiri, dengan berpegang kepada prinsip-prinsip perjuangan BN ini, Insyallah negara kita akan terus maju di bawah kepemimpinan yang silih berganti sehingga tercapai taraf negara maju menjelang 2020.

Inilah wawasan kita. Inilah visi kita dan kita semua, di semua lapisan daripada pemimpin tertinggi sehingga kepada kanak-kanak di sekolah, di tadika, kita akan commit kita akan dedicate diri kita untuk menjadi sebuah negara yang mulia, maju dan dihormati oleh seluruh dunia. Pada hari kita merayakan ulang tahun ke-50, hendaklah kita cekal dalam hati bahawa kita akan meneruskan perjuangan yang mulia ini bukan untuk diri sendiri tetapi untuk bangsa, agama dan negara. Percayalah apabila negara kita maju, maka tidak dapat tidak kita akan memperoleh nikmat untuk diri. Berjuanglah untuk negara kita.